



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**MAJLIS MEMPERINGATI YTM ALMARHUM TUNKU
ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ : NEGARAWAN
ULUNG PENGASAS NEGARA BANGSA**

8 FEBRUARI 2026 (AHAD)

MUZIUM NEGARA MALAYSIA

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

SALUTASI

(*salutasi terkini akan disediakan secara berasingan)

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada ketiga-tiga agensi di bawah Kementerian Perpaduan Negara iaitu **Arkib Negara Malaysia, Yayasan Tunku Abdul Rahman dan Jabatan Muzium Malaysia** atas penganjuran **Majlis Memperingati Yang Teramat Mulia Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj: Negarawan Ulung Pengasas Negara Bangsa**.
2. Pada hari yang penuh makna ini, kita berhimpun untuk **mengenang legasi serta sumbangan besar seorang negarawan ulung**, iaitu YTM Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Sebagai Bapa Kemerdekaan dan Perdana Menteri pertama negara, Almarhum telah **meletakkan asas kukuh pembinaan sebuah negara bangsa yang merdeka, berdaulat dan berteraskan perpaduan**.

SUMBANGAN TUNKU

Hadirin yang dikasihi sekalian,

3. Demi mencapai kemerdekaan, Almarhum Tunku Abdul Rahman telah mencurahkan seluruh usaha bagi **menyatupadukan penduduk pelbagai kaum di Tanah Melayu.**
4. Di bawah kepimpinan Almarhum Tunku, Parti UMNO telah menjalin kerjasama erat dengan Persatuan Cina Malaya (MCA) yang diterajui oleh Tun Tan Cheng Lock serta Kongres India Malaya (MIC) yang dipimpin oleh Tun V. T. Sambanthan dalam satu gabungan bersejarah untuk menuntut kemerdekaan Tanah Melayu. Kerjasama ini menjadi simbol unggul perpaduan dan muafakat antara kaum dalam pembinaan negara bangsa.
5. Selepas mencapai kemerdekaan Tanah Melayu, Almarhum Tunku Abdul Rahman telah mengemukakan **gagasan penubuhan Malaysia pada tahun 1963**, yang pada peringkat awal melibatkan hasrat penggabungan Persekutuan Tanah Melayu bersama Borneo Utara (Sabah), Sarawak, Brunei dan Singapura. Gagasan ini lahir daripada visi kedepan Almarhum Tunku bagi menjamin kestabilan politik, keselamatan serantau, serta memperkukuh perpaduan negara.

6. Sebagai Perdana Menteri pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman bukan sahaja memimpin negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, malah telah membina kerangka kenegaraan yang kukuh dan berteraskan nilai demokrasi, kedaulatan undang-undang serta perpaduan rakyat. **Asas pentadbiran dan kenegaraan yang dibentuk oleh beliau terus menjadi tunjang utama dalam pembinaan dan kemajuan negara Malaysia sehingga ke hari ini.**
7. Dalam sebuah negara yang majmuk, Almarhum dengan berani telah memperkenalkan politik muafakat dan perkongsian kuasa. Suatu pendekatan yang mendahului zamannya. Pesan Almarhum Tunku bahawa ***“We must think as Malaysians, not as Malays, Chinese or Indians.”***

PEMBINAAN NEGARA BANGSA

Hadirin yang dikasihi sekalian,

8. Legasi dan falsafah kepimpinan Almarhum Tunku Abdul Rahman iaitu **pembinaan Negara Bangsa kini dihidupkan kembali oleh Kementerian Perpaduan Negara.** Dalam landskap masyarakat yang semakin kompleks serta berdepan cabaran seperti polarisasi sosial, perbezaan pandangan dan jurang persefahaman, gagasan negara bangsa menjadi penting sebagai wahana penyatuan.

9. Negara bangsa merujuk kepada sebuah negara berdaulat yang rakyatnya berkongsi identiti nasional, nilai sepunya serta semangat kebersamaan sebagai satu bangsa Malaysia. Ia dibina atas asas Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara, dengan menekankan perpaduan dalam kepelbagaian, semangat patriotisme, serta kesetiaan kepada negara.
10. Sehubungan itu, **“Bersama Membina Negara Bangsa”** dipilih sebagai tema Kementerian Perpaduan Negara tahun ini, selari dengan aspirasi Kerajaan MADANI melalui Rancangan Malaysia Ketiga Belas yang menjadikan pembinaan negara bangsa sebagai tonggak perpaduan negara. Usaha ini merupakan kesinambungan semangat dan inspirasi Bapa Kemerdekaan yang meletakkan perpaduan sebagai asas pembinaan negara sejak awal kemerdekaan.
11. Bagi memastikan aspirasi Negara Bangsa ini benar-benar difahami, dihayati dan diterima oleh seluruh lapisan masyarakat, Kementerian Perpaduan Negara akan terus melaksanakan pelbagai inisiatif termasuk **sesi libat urus, perbincangan meja bulat, sesi townhall serta penganjuran Persidangan Negara Bangsa pada September 2026.**

12. Saya percaya bahawa **perkongsian identiti nasional yang kukuh merupakan asas kepada kestabilan politik dan keharmonian sosial**. Apabila setiap rakyat merasai keterikatan bersama sebagai rakyat Malaysia, semangat saling memahami dan menghormati akan dapat diperkukuh, sekali gus memastikan kemakmuran negara terus terpelihara tanpa menafikan kepelbagaian budaya, agama dan etnik yang menjadi teras masyarakat kita.

MENGENANG LEGASI TUNKU ABDUL RAHMAN

Hadirin yang dihormati sekalian,

13. Dalam usaha untuk meneruskan visi Tunku Abdul Rahman dalam soal pendidikan untuk semua, **Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) telah ditubuhkan pada tahun 1966 sebagai sebuah badan berkanun yang menyediakan bantuan kewangan** bagi pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi. Sejak penubuhannya, **YTAR telah membantu lebih 10,600 pelajar**.
14. Kini, YTAR di bawah tanggungjawab Kementerian Perpaduan Negara akan terus memberi fokus menyediakan bantuan Pendidikan serta menjalankan program seperti;

- a. **Biasiswa Tunku Abdul Rahman (BTAR)** – biasiswa ijazah sarjana muda komprehensif dengan 9 jenis elaun dan program pembangunan kepimpinan selama 2 tahun;
 - b. **Program *Closing The Gap* (CTG)** – program bimbingan hala tuju pendidikan tinggi bagi pelajar Tingkatan 4 dan 6 di sekitar Lembah Klang, Cikgu CTG, program latihan train-the-trainer (ToT) bagi guru bimbingan dan kaunseling di Johor, Sabah, Sarawak, Kedah dan Pulau Pinang;
 - c. **Anugerah Pingat Tunku** – mengiktiraf graduan cemerlang universiti tempatan yang menjiwai kepimpinan dan nilai-nilai murni Tunku.
 - d. **Inisiatif *Future Ready*** – program kebolehpasaran yang memperkasakan belia dengan kemahiran
15. Inilah kesinambungan visi Tunku Abdul Rahman yang meletakkan pendidikan sebagai jambatan masa depan dan asas pembinaan negara bangsa.
16. Oleh itu, saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengumumkan **pembukaan permohonan bagi Biasiswa Tunku Abdul Rahman buat tahun 2026 secara rasmi bermula hari ini (8 Februari) bersempena tarikh lahir**

Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, melalui laman web YTAR www.yayasantar.org.my.

17. Selain itu, **Pameran “Tunku Negarawan Ulung: Pengasas Negara Bangsa”** anjuran Kementerian Perpaduan Negara melalui Arkib Negara Malaysia dibuka kepada orang ramai mulai **1 Februari hingga 29 Mac 2026**, jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang di Muzium Negara, Kuala Lumpur.

PENUTUP

Hadirin yang dikasihi sekalian,

18. Kerajaan MADANI komited menghidupkan semangat negarawan - negarawan kita melalui pendekatan baharu, termasuk pameran interaktif dan program mengenang jasa. Semangat perjuangan Almarhum Tunku akan terus menjadi sumber inspirasi bagi kita semua, khususnya dalam menanamkan jiwa kenegaraan yang kukuh dalam sanubari generasi muda, demi memastikan kemakmuran dan kesejahteraan Malaysia yang kita cintai terus terpelihara.
19. Dengan ini, saya merasmikan **Majlis Memperingati YTM Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj: Negarawan Ulung Pengasas Negara Bangsa**.

Sekian, terima kasih.